

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' MOHD ARIFF SABRI BIN ABDUL
AZIZ
(RAUB)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 24.05.2016

Y.B. DATO' MOHD ARIFF SABRI BIN ABDUL AZIZ [RAUB] minta
MENTERI KEWANGAN menyatakan :-

- a. siapakah yang memberi kuasa kepada 1MDB membayar USD3.5 bilion ke dalam akaun Aabar BVI; dan

- b. berapakah jumlah bayaran yang dibayar kepada syarikat palsu Aabar BVI setakat ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Seperti mana umum sedia maklum, pada masa ini terdapat pertikaian di antara pihak 1MDB dan IPIC. Justeru itu, pihak 1MDB sedang mengkaji dan akan mengambil segala langkah yang perlu untuk membuktikan bahawa pihak IPIC dan Aabar Investments PJS bertanggungjawab ke atas dana yang telah dibayar oleh 1MDB kepada Aabar BVI berjumlah USD3.5 bilion.

1MDB telah dan akan terus menjalankan perbincangan dengan semua pemegang bon untuk menjelaskan latar belakang pertikaian serta menjelaskan mengapa 1MDB mengambil pendirian untuk tidak membuat bayaran faedah ke atas Bon Langat dan Bon Energy dan menegaskan bahawa 1MDB mempunyai Pelan Rasionalisasi yang membolehkan 1MDB memenuhi obligasi hutang sedia ada. 1MDB juga komited untuk bekerjasama secara terbuka dengan IPIC untuk menyelesaikan pertikaian yang berlaku bagi meminimumkan kesan ke atas semua pihak berkepentingan dan mengelakkan keperluan mempercepatkan bayaran balik bon atau sukuk dalam cara yang boleh menimbulkan risiko signifikan kepada Pelan Rasionalisasi 1MDB.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi transaksi pemindahan dana sebanyak USD3.5 bilion kepada syarikat Aabar Investments PJS Limited ("Aabar BVI"), pihak pengurusan 1MDB telah mengikut segala terma dan syarat yang ditetapkan berdasarkan perjanjian yang dimeterai bersama dengan pihak pengurusan tertinggi IPIC dan Aabar Investments PJS ("Aabar Abu Dhabi").

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN AHMAD MARZUK
BIN SHAARY [BACHOK]**

TARIKH : 24 MEI 2016

SOALAN :

YB Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok] minta PERDANA MENTERI menyatakan Laporan Pemerhati Pilihan Raya DUN dan Parlimen Sarawak yang telah diterima oleh Kerajaan. Apakah ada laporan pemantauan pilihan raya yang menyatakan SPR tidak adil, menipu dan tidak bebas.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, SPR telah melantik sembilan(9) Persatuan Bukan Kerajaan atau *Non Government Organizations* (NGOs) tempatan sebagai Pemerhati Tempatan bersempena Pilihan Raya Umum (PRU) Dewan Undangan Negeri (DUN) Sarawak Ke-11 yang lalu. Seramai 63 orang sukarelawan telah bertugas menjalankan pemerhatian secara bebas di tiga (3) zon utama iaitu di Kuching, Sibul, dan Miri. Kesemua mereka diberi watakah perlantikan sebagai Pemerhati Tempatan PRU DUN Sarawak Ke-11 selain taklimat khas mengenai peranan dan tanggungjawab selaku pemerhati yang dilantik oleh SPR.

Mereka juga dibekalkan bersama pakaian dan pas petugas yang tertera Pemerhati Tempatan PRU DUN Sarawak Ke- 11 bagi membolehkan mereka masuk ke Pusat Penamaan Calon, Pusat Pengundian Awal, Pusat Mengundi dan Pusat Penjumlahan Rasmi Undi bagi menyaksikan proses penamaan calon, proses pengundian awal dan biasa, proses pengiraan kertas undi dan proses penjumlahan rasmi undi sebelum pengisytiharan keputusan dibuat oleh Pegawai Pengurus Pilihan Raya. Selain dari itu, mereka juga bebas melaksanakan pemerhatian di luar dari kawasan tersebut di atas.

Pada masa ini SPR masih menunggu laporan pemantauan dan pemerhatian daripada sembilan (9) NGOs ini. Mereka diberikan masa yang

secukupnya untuk menyedia dan menghantar laporan pemerhatian masing-masing kepada SPR.

Sekian, terima kasih.